



09 OCT, 2024

'Transit' kokain RM12.05 juta di Johor

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

'Transit' kokain RM12.05 juta di Johor

Sindiket seludup dadah dari India guna kontena sejuk beku untuk dihantar ke AS

Oleh NOR AZURA MD AMIN
JOHOR BAHRU

Taktik sindiket dadah antarabangsa menyeludup 60.2 kilogram kokain bernilai RM12.05 juta menggunakan kontena sejuk beku digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor pada 1 Oktober lalu.

Pengarahnya, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi berkata, rampasan dilakukan jam 11.15 pagi di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di Iskandar Puteri itu hasil maklumat dan risikan selama sebulan oleh Cawangan Risikan Zon Selatan.

Beliau berkata, berdasarkan siasatan awal, kontena tersebut didapati membawa 19 tan udang segar sejuk beku bernilai RM735,000 yang diikrarkan sebagai barang dagangan.

"Bagaimanapun, hasil pemeriksaan rapi yang dijalankan kita menemukan 62 bungkusan plastik mengandungi serbuk mampat berwarna putih disyaki kokain yang disembunyikan di ruangan pendingin hawa.

"Berdasarkan maklumat yang kita per-



Aminul Izmeer (tengah) menunjukkan kokain yang dirampas pada 1 Oktober lalu.

**Mahkamah
& Jenayah**

oleh, kontena itu telah berada di pelabuhan tersebut dalam dua atau tiga hari sebelum operasi sitaan dibuat," katanya dalam sidang akhbar di Menara Kastam Johor di sini pada Selasa.

Beliau berkata, hasil maklumat mendapati kontena dari India itu transit di pelabuhan berkenaan sebelum dibawa ke Miami, Amerika Syarikat.

Tambahnya, modus operandi sindiket penyeludupan dadah berkenaan didapati sama dengan kes rampasan dilakukan

pihaknya pada Mei lepas.

"Kes sebelum ini adalah pada Mei lalu yang juga rampasan kokain bernilai RM10.3 juta disorok dalam ruang pendingin hawa kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas dengan mengikrarkan barang dibawa adalah bawang.

"Kali ini juga sama modus operandinya namun kita percaya aktiviti ini dilakukan sindiket penyeludupan dadah yang berbeza," jelasnya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.



09 OCT, 2024

`Transit` kokain RM12.05 juta di Johor

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sindiket seludup dadah dari India guna kontena sejuk beku untuk dihantar ke AS

Taktik sindiket dadah antarabangsa menyeludup 60.2 kilogram kokain bernilai RM12.05 juta menggunakan kontena sejuk beku digagalkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor pada 1 Oktober lalu. Pengarahnya, Aminul Izmeer Mohd Sohaimi berkata, rampasan dilakukan jam 11.15 pagi di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Gelang Patah di Iskandar Puteri itu hasil maklumat dan risikan selama sebulan oleh Cawangan Risikan Zon Selatan.